

11/02/1997

Pelabur perlu jaga imej negara

MATLAMAT pelaburan Malaysia di luar negara bukan sekadar meraih keuntungan semata-mata, malah turut menyemarakkan pembangunan di negara tuan rumah, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Oleh itu, Perdana Menteri mahu pelabur Malaysia perlu sentiasa beringat supaya keputusan mereka melabur di luar negara seperti Filipina tidak disalah anggap sebagai tamak haloba. Ulasan Dr Mahathir adalah ekoran keputusan Mahkamah Agung Filipina minggu lalu untuk mengetepikan tawaran Renong Berhad (Renong) bagi memiliki Hotel Manila dan mengarahkannya dijual kepada sebuah syarikat negara itu. Penjualan hotel itu yang anggap satu peninggalan sejarah Filipina kepada Prince Hotel Corporation selaras dengan dasar 'Orang Filipina didahulukan', dikritik Presiden Fidel Ramos.

Sayugia banyak negara membangun sudah berusaha keras untuk menarik pelaburan asing dalam dekad lalu. Menurut Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), walaupun pengaliran modal ke negara membangun meledak, pengagihannya tidak sama rata. Negara membangun yang mengubah dasar pelaburannya dengan agresif seperti Malaysia lebih berjaya daripada kebanyakan negara lain yang tidak bersungguh-sungguh menukar iklim pelaburannya. Pelaburan Langsung Asing (FDI) menyelesaikan masalah pengaliran modal di negara membangun sejak 1960-an dan sekali gus mengelakkan pergantungan kepada bantuan modal dari negara kaya serta pinjaman secara komersil sejak krisis hutang pada 1980-an. Menurut IMF, sebahagian besar daripada FDI mengalir ke rantau Asia Pasifik. Pada 1994, 11 negara Asia Pasifik memperolehi 74 peratus daripada keseluruhan FDI di negara membangun iaitu AS\$208,366 juta.

Negara kaya memilih 11 negara Asia Pasifik termasuk Malaysia untuk melabur disebabkan reformasi dasar pelaburannya dari segi isu fiskal dan monetari, harga dan pemansuhan peraturan yang tidak lagi sesuai. Sebagaimana di Negara Perindustrian Baru (NIC), pelaburan asing di Malaysia sudah membawa masuk sumber tambahan seperti teknologi, kemahiran, teknik pengurusan dan peluang menembusi pasaran eksport dengan menjadikan negara ini sebagai landasannya. Secara langsung, pelaburan asing sudah menyediakan banyak peluang pekerjaan, menambah pembentukan modal dan memperbaiki infrastruktur. Persaingan untuk menarik pelabur asing menyebabkan banyak negara mengurangkan halangan kepada FDI dan memperbaiki iklim pelaburan. Ini termasuk memperbaiki infrastruktur, sistem telekomunikasi dan sistem pengangkutan untuk membolehkan pengeluaran barangan ke pasaran global lebih mudah.

Sayugia kejayaan Malaysia menikmati ekonomi mapan dengan mencatat pertumbuhan lebih 8 peratus setahun bagi lapan tahun berturut-turut disebabkan FDI. Walaupun Malaysia masih mengamalkan dasar terbuka kepada FDI, tetapi kita kini memilih pelaburan dalam industri berteknologi tinggi dan berintensif modal dan tidak lagi berintensif pekerja disebabkan pasaran kerja yang ketat. Malaysia kini juga menyertai empat negara Harimau Asia lain yang mengembangkan sayap dengan melabur di luar negara. Langkah melabur di luar negara bukan saja memperluaskan pasaran bagi barangan keluaran negara ini, malah dapat mengurangkan defisit perdagangan yang kini berjumlah RM1.5 bilion bagi 11 bulan pertama tahun lalu.

Kita bangga kerana badan korporat seperti Renong, Sime Darby, Petronas, YTL Corporation, Sapura dan TRI sudah mula melabur di negara Afrika, China dan Indo-China. Mereka menyusuli Samsung dan Daewoo dari Korea Selatan yang melangkah ke luar negara - membina kilang dan membeli kepakaran

antarabangsa untuk bersaing di pasaran global. Bolehkah badan korporat kita mencapai taraf antarabangsa? Perkara ini tidak mustahil. Bagaimanapun, dalam kegigihan mengembangkan sayap, kita tidak boleh terlalu rakus terutama di negara membangun sehingga disalah anggap sebagai tamak haloba. Selain mengaut keuntungan, badan korporat kita perlu turut membantu pembangunan negara tuan rumah bagi menjaga kepentingan bersama. Ini adalah satu cabaran baru bagi badan korporat kita dalam usaha mengglobalisasi organisasinya sambil meneroka peluang baru di negara membangun. Semoga badan korporat kita mengambil iktibar daripada pengalaman Renong untuk membentuk imej koporat Malaysia yang tulen dan baik di luar negara. Ingatan Perdana Menteri patut dijadikan panduan kerana kita mempunyai modal yang terhad dan tidak mahu disifatkan sebagai tamak untuk mengaut semua pelaburan untuk kita.

(END)